

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN RASMIPAMERAN 10 TAHUN MERDEKA
DISEKOLAH KEBANGSAAN HISHAMUDDIN
KUALA LUMPUR, PADA 28 OGOS 1967**

10 tahun dahulu saya, tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah merayakan hari Kemerdekaan Tanahair kita. Pada masa itu kita lebih muda 10 tahun, dan sekarang kita semua lebih tua 10 tahun. Begitu juga anak-anak kita, sekarang lebih tua 10 tahun.

Di dalam 10 tahun yang lalu banyak perubahan-perubahan telah berlaku. Adakah perubahan-perubahan itu telah memberi kesan yang baik dan yang membina? Bolehkah kita bermegah dengan perubahan-perubahan irii? Sudahkah kita membina satu negara dan bangsa yang boleh dibanggakan oleh anak cucu kita? Dapatkah kita berikan kepada mereka apa yang harus diberikan kepada mereka? Sudahkah kita meninggikan taraf hidup rakyat jelata? Sudahkah kita hasilkan cita-cita rakyat semenjak negara kita menjadi bebas, merdeka dan berdaulat?

Tentu sekali! Kita telah berjaya menunaikan kehendak-kehendak dan cita-cita itu malahan kita telah berjaya lebih daripada yang dijangka. Di dalam masa 10 tahun yang singkat itu Kerajaan Perikatan telah membuktikan kebolehan memikul tanggungjawab untuk kepentingan rakyat yang telah memilih dan memberi kuasa padanya. Kita telah tujukan usaha kita untuk membina satu negara yang bersatu, kukuh keadaan ekonominya, tinggi mutu dasar-dasarnya dan layak sebagai sebuah negara yang benar-benar bebas dan berdaulat.

Di dalam negara, kita berjaya menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa dan kebudayaan. Kita telah membina satu keadaan ekonomi negara yang teguh serta cergas, menyediakan peluang-peluang bekerja yang terjamin untuk rakyat. Pada keseluruhannya kita telah berjaya meninggikan taraf hidup rakyat jelata sama ada yang duduk di dalam ataupun di luar bandar. Di luar negeri pula, Malaysia diketahui sebagai negara yang dipercayai dan terkenal nama baiknya dalam perhubungan dengan negara-negara lain. Kita telah juga berjaya mengukuhkan persahabatan kita dengan negara-negara di sebelah sini dengan mengadakan pakatan bersama mereka dalam bidang ekonomi dan sosial untuk kepentingan dan kebahagiaan bersama.

Cuba kita renungkan sekejap dan fikirkan apakah sebaik-baik ukuran untuk menilai kemajuan kita dalam 10 tahun yang lalu. Kita boleh gunakan ukuran yang diakui Antarabangsa dan menyatakan bahawa '*growth national product*' atau pembangunan negara kita telah meningkat 6.8% pada tiap-tiap tahun, manakala angka penggunaan pukul rata atau per kapita '*consumption*' telah juga meningkat. Begitu juga perdagangan kita ke luar negeri telah bertambah. Angka kematian kanak-kanak atau '*infant mortality rate*' telah jatuh daripada 70 menjadi 50 tiap-tiap seribu dan ini menunjukkan bahawa negara kita adalah tempat yang sihat untuk penghidupan.

Mungkin segala perangkaan ini tidak memberi makna kepada rakyat jelata. Coba kita huraikan secara senang difahami. Barang-barang pengeluaran cucuk tanam dan sebagainya telah bertambah. Barang-barang yang dibeli daripada luar negeri bertambah kurang manakala barang yang kita jual ke luar negeri bertambah banyak. Kita sekarang mengeluarkan barang-barang kegunaan kita sehari-hari dan ini termasuklah barang-barang yang tahan lama. Kita telah juga mempelbagai dan menguatkan perusahaan pertanian kita serta memberi galakkan untuk perkembangan perindustrian.

Kita telah membuka dan membagi tanah-tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah. Kita telah memberi tempat-tempat kediaman bagi mereka yang tidak berumah. Dengan menambahkan pembinaan jalanraya-jalanraya kita telah menghubungkan kawasan-kawasan yang terpencil supaya merasai kemajuan. Kita telah juga memberi kemudahan-kemudahan di semua kawasan-kawasan terutama di kawasan luar bandar dengan mengadakan bekalan elektrik, bekalan air, perhubungan talipon, radio dan berpuluh-puluh lagi kemudahan-kemudahan untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar, petani-petani dan nelayan-nelayan yang dianggap sebagai tulang belakang rakyat negara kita. Kejayaan-kejayaan kita itu adalah merupakan kemajuan-kemajuan yang boleh dilihat dan akan menguntungkan dalam segi ekonomi. Semasa itu juga kita tidak membiarkan kemajuan dari segi kepandaian dan kemahiran rakyat jelata. Kita tidak hanya memenuhi kemahuan perut semata-mata malahan kita menegaskan juga kehendak dan kemajuan otak. Dalam usaha kita menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa dan menjadikan mereka sebagai satu bangsa, kita telah menjalankan dasar pelajaran yang boleh membina anak-anak kita supaya menjadi warganegara yang taat dan jujur kepada bangsa. Tujuan kita ialah untuk melatih kanak-kanak kita supaya kemudian hari mereka menjadi ibu bapa yang bertanggungjawab bahkan juga supaya mereka menjadi pembina negara yang cergas serta berbakti kepada nusa dan bangsa. Untuk mencapai cita-cita ini kita telah mengadakan pelajaran rendah percuma dan menjalankan sistem pelajaran menengah untuk seluruh negara iaitu satu sistem yang dianggap praktik serta juga akademik. Kita telah juga mengembang dan menambahkan kemudahan-kemudahan untuk pelajaran tinggi. Kita telah membawa ilmu dan pelajaran pada rakyat jelata dengan rancangan-rancangan pelajaran dewasa dan pelajaran lanjutan. Bilangan orang yang buta huruf sudah kurang dan boleh dibandingkan dengan keadaan negara-negara yang sedang membangun dan maju. Kita telah juga mengembangkan bahasa kita, mendaulatkan Bahasa Kebangsaan yang boleh kita bangga-banggakan.

Kita telah mengambil unsur-unsur kekayaan berbagai-bagai kebudayaan yang ada pada berbagai-bagai bangsa dalam negara kita ini dan membentuk satu kebudayaan kebangsaan. Kita tidak lagi memperbesar-besarkan kata-kata mengenai kebudayaan Cina, India atau Melayu; kita sekarang lebih membanggakan kebudayaan Malaysia. Kita berpegang kuat kepada kepercayaan bahawa rakyat jelata berhak mendapat kebebasan - belas memilih agama dan bebas untuk mengikuti cara hidup pilihan mereka. Kita cintakan kebebasan ini dan tetap akan memelihara dengan nyawa kita sekali pun.

Untuk memelihara cara kehidupan kita itu kita telah menghapuskan segala

percubaan hendak memusnahkan negara kita. Kita telah juga menahankan kedaulatan negara kita daripada ancaman-ancaman daripada pihak komunis dan rakyat kita berganding bahu memelihara cara hidup kita, iaitu cara demokrasi.

Sebagai ahli Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia telah menyumbangkan usaha-usahnya memelihara keamanan sedunia sebagai yang telah terbukti di dalam peranan-peranan askar-askar kita di Kongo dan Cyprus. Semasa kita menjadi ahli dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu kita telah menyokong dengan cergas semua tindakan untuk mengujudkan keamanan dan ketenteraman di antara negara-negara. Sebagai contohnya ialah sumbangan kita dalam usaha Majlis itu menyelesaikan krisis di Republik Dominica.

Negara kita Malaysia bersimpati dengan cita-cita mencapai kebebasan rakyat di kawasan-kawasan yang masih tertakluk oleh penjajah-penjajah. Oleh yang demikian kita telah menyumbangkan usaha kita melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membebaskan kawasan-kawasan yang masih belum mencapai kemerdekaan daripada kuasa penjajahan.

Di dunia sebelah sini bersama-sama dengan negeri-negeri Filipina dan Thai kita telah menubuhkan A S A. Penubuhan A S A telah merangka satu zaman baru iaitu zaman kesedaran di antara negara-negara di Tenggara Asia supaya bekerjasama dengan rapatnya di dalam bidang ekonomi, sosial dan teknik. Semangat bekerjasama yang telah diujudkan dari A S A itu sekarang telah membuka jalan kepada kerjasama yang lebih luas antara negara-negara di Tenggara Asia, dengan tertubuhnya sebuah badan bernama A S E A N. Melalui perjanjian-perjanjian perdagangan di antara kita dengan beberapa negara asing kita telah dapat bukan sahaja memperluaskan pengeluaran barang-barang bahkan juga kita telah dapat membina tali persahabatan dengan negara-negara itu.

Sekarang bolehlah kita memandang pada peristiwa-peristiwa 10 tahun yang lalu dengan perasaan yang megah. Oleh kerana kita telah berjaya mencapai kemajuan-kemajuan itu dengan keadaan aman sentosa dan secara perancangan yang positif dalam segala bidang ekonomi dan pelaksanaan yang dinamis dalam usaha-usaha pembangunan. Kejayaan kita itu adalah lebih ternyata oleh kerana kita telah dapat mencapainya melalui dasar-dasar yang tersusun dan praktikal mengikut lunas-lunas demokrasi, dengan tidak memecahkan corak kebangsaan kita. Kejayaan kita adalah kejayaan yang nyata. Dengan menggunakan teknik yang telah kita bentuk khas untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kita, kita telah dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara keadaan luar bandar dengan bandar.

Sekarang saya suka menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan pada Pameran Kemajuan ini. Sebagai yang telah dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pameran ini, pameran ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran segala kemajuan dan pembangunan yang telah dapat kita jayakan di dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Apa yang kita akan saksikan di dalam pameran ini adalah hanya sebahagian kecil daripada apa yang benar-benar berlaku di segala pelusuk negara kita, iaitu rancangan-rancangan yang menjadi hasil perancangan, pengelolaan, wang yang dibelanjakan, masa dan tenaga yang telah dicurahkan serta nikmat yang telah dirasakan oleh rakyat daripadanya.

Saya berharap pameran ini akan menjadi sebagai ingatan kepada kita

bahawa kita dan negara kita adalah sentiasa mengejar kemajuan, kebahagiaan dan kemakmuran. Saya telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan apa yang telah diayakan selama ini. Sekarang marilah kita pandang ke hadapan. Satu perkara yang penting ialah supaya kita menguatkan keadaan negara kita dan membina di atas asas yang telah kita dirikan itu.

Kita harus sedar bahawa negara kita menghadapi masa hadapan yang mengandungi banyak perubahan dan cabaran. Malaysia adalah negara yang muda. Untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih tinggi lagi kita memerlukan ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha yang lebih cergas lagi terutama dalam usaha kita menggunakan tenaga manusia yang ada pada kita dengan banyaknya. Kita perlu menyalurkan segala kebolehan dan kepandaian manusia yang ada pada kita dan menggunakan teknik-teknik yang lebih cekap lagi. Kita berkehendakkan lebih banyak dan lebih luas lagi hasil daripada semua jurusan pembangunan.

Kita boleh menjayakan cita-cita kita ini sekiranya ada satu '*alliance*', satu persefahaman - satu persefahaman dari segi fikiran (*alliance of ideas*), dan persefahaman dari segi usaha dan tenaga (*alliance of efforts*) di antara rakyat dan Kerajaan. Marilah kita bersama-sama maju dengan penuh keazaman mencapai setinggi-tinggi kemajuan dan kemakmuran dalam negara kita ini.

Dalam tiap-tiap percubaan untuk membina sebuah negara mencapai kemajuan dan kemakmuran, peranan rakyat adalah sama penting dengan peranan Kerajaan. Di dalam masa yang penuh dengan kegembiraan seperti ini, ulang tahun ke-10 Kemerdekaan negara kita, marilah kita bersama-sama merayakan kejayaan kita dengan rakyat jelata. Pada hari ini ada bersama-sama kita tiga orang peserta dari Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan. Mereka adalah daripada golongan rakyat Malaysia yang telah menjadi bukti di dalam kejayaan negara kita. Sebagai rakyat Malaysia yang telah bersama-sama kita mengisikan kemerdekaan negara, marilah kita menjemput mereka menyempurnakan upacara bagi membuka dengan rasmi pameran ini supaya peristiwa ini akan menjadi kenangan-kenangan di masa hadapan.

Sekarang saya dengan amat sukacitanya meminta mereka merasmikan pameran ini.